



TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI BAWAH
PROGRAM DERMASISWA B40
TAHUN 2023

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon **Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2022** untuk memohon penajaan di bawah Program Dermasiswa B40. Program ini mensasarkan pelajar yang sedang mengikuti **pengajian peringkat diploma di institusi yang dikenal pasti** daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah, iaitu golongan B40 untuk diberi penajaan secara kaedah dermasiswa.

Objektif pelaksanaan program ini adalah bagi membantu **pelajar-pelajar SPM 2022 dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah** iaitu golongan B40 untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya di peringkat Diploma dalam bidang **berfokuskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)** di **Universiti Awam (UA), Politeknik dan Institut Kemahiran Awam (IKA)**.

2. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi **syarat umum dan khusus** permohonan seperti berikut:

2.1 Syarat Umum Calon

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;

- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenaraihitamkan oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Menduduki peperiksaan **SPM 2022 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta** atau **calon-calon persendirian**;
- (v) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (vi) **Pendapatan per kapita dalam kategori B40 iaitu RM4,849.00 sebulan dan ke bawah.**

2.2 Syarat Khusus

Perincian bagi syarat khusus mengikut institusi pengajian yang ditetapkan adalah seperti di bawah:

BIL.	INSTITUSI PENGAJIAN	BIDANG PENGAJIAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
1.	Institut Kemahiran Awam (IKA) termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> a) Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) b) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) c) Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) d) Institusi Kemahiran MARA / Kolej Kemahiran Tinggi MARA 	Diploma bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C bagi subjek: <ul style="list-style-type: none"> • BM • Sejarah • Mana-mana SATU subjek lain yang diambil; dan • Telah mendapat tawaran di institusi pengajian tersebut.

BIL.	INSTITUSI PENGAJIAN	BIDANG PENGAJIAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
2.	Universiti Awam (UA) / Politeknik	1. Kejuruteraan & Teknikal 2. Sains 3. Sains Sosial	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C bagi subjek: <ul style="list-style-type: none"> • BM • Sejarah • Mana-mana TIGA subjek lain yang diambil; dan • Telah mendapat tawaran di institusi pengajian tersebut.

3. BIDANG PENGAJIAN YANG TIDAK DITAJA

Bidang Pengajian yang tidak ditaja adalah seperti berikut:

- i. Perubatan;
- ii. Pergigian;
- iii. Farmasi;
- iv. Pendidikan;
- v. Kejururawatan;
- vi. Sijil Profesional untuk pelesenan seperti lesen penerbangan (*Aircraft Maintenance License*), lesen menyelam (*Diving License*) serta kursus profesional seperti *Certified Legal Practitioner* (CLP); dan
- vii. *Chartered Accountancy* (CA).

4. BENTUK PENAJAAN

- 4.1 Penajaan bagi Program Dermasiswa B40 ini adalah berbentuk Dermasiswa, dan pelajar tidak terikat dengan sebarang ikatan kontrak

berkhidmat. Walau bagaimanapun, pelajar bertanggungjawab untuk membayar balik nilai perjanjian sekiranya berlaku pelanggaran kepada perjanjian penajaan yang dimeterai.

- 4.2 **Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan bagi pelajar yang ditaja di bawah program ini adalah Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00.**

5. PERMOHONAN

Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. mulai **31 Julai 2023 (Isnin), 12.00 tengah hari hingga 13 Ogos 2023 (Ahad), 11.59 malam**. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions (FAQ)* bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini atau meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. **Sebarang perubahan maklumat permohonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima.**

Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Program Dermasiswa B40 Tahun 2023** sebagai bukti permohonan telah dibuat.

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi *call centre* di talian **03-8885 3297** mulai **31 Julai 2023 hingga 13 Ogos 2023 (hari bekerja sahaja)** dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Calon juga boleh mengemukakan pertanyaan menerusi e-mel dermasiswa2023@jpa.gov.my (e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **13 Ogos 2023 (Ahad) jam 11.59 malam.**
Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

7. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	31 Julai 2023 (Isnin) 12.00 tengah hari
Permohonan ditutup	13 Ogos 2023 (Ahad) 11.59 malam
Jangkaan Keputusan	6 Oktober 2023 (Jumaat) 12.00 tengah hari

8. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan penajaan Program Dermasiswa B40 ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my> pada **6 Oktober 2023 (Jumaat)**. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

9. HAK KERAJAAN

- 9.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 9.2 JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 9.3 JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

TAMAT